



TERMA RUJUKAN

**PROGRAM PEMBANGUNAN PELAN HALA TUJU BAKAT
BAGI MELONJAKKAN PRODUKTIVITI PASARAN BURUH
(*TALENT ROADMAP*) 2024-2030**

TERMA RUJUKAN

PENYEDIAAN PELAN HALA TUJU BAKAT BAGI MELONJAKKAN PRODUKTIVITI PASARAN BURUH (*TALENT ROADMAP*) 2024-2030

A. LATAR BELAKANG

1. Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Blueprint, MPB*) telah menetapkan sasaran pertumbuhan minimum produktiviti kepada 3.7 peratus setiap tahun dengan berlandaskan lima teras strategik utama, 10 inisiatif nasional, 43 inisiatif sektor dan 16 item tindakan yang diguna pakai secara holistik untuk membuka potensi produktiviti di peringkat nasional, sektor dan perusahaan.
2. Salah satu daripada lima teras strategik utama adalah menghasilkan tenaga kerja masa hadapan. Teras strategik ini memberi tumpuan kepada penyusunan semula tenaga kerja dengan meningkatkan bilangan pekerja berkebolehan tinggi, mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing berkemahiran rendah, dan memenuhi permintaan ekonomi masa depan.
3. Namun begitu, cadangan pelaksanaan teras strategik pembangunan bakat dalam MPB ini hanya tersedia secara makro tanpa memberi tumpuan kepada pelan tindakan hala tuju bagi mengenalpasti bidang keutamaan intervensi pasaran buruh serta fokus industri strategik dan bernilai tinggi. Selain itu, perubahan landskap pasaran buruh dan ekonomi secara keseluruhannya memerlukan kepada penilaian dan penajajaran semula cadangan intervensi pembangunan bakat.
4. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk penyediaan pelan hala tuju dan tindakan yang lebih bersasar dan tertumpu dengan memberikan penekanan kepada pembangunan bakat bagi melonjakkan produktiviti untuk tempoh 2024-2030. Tempoh ini bersesuaian dengan dasar Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Agenda 2030. Pelan hala tuju ini juga turut diselarikan dengan indikator daya saing bagi peningkatan dan pembangunan bakat.
5. Pada ketika ini, industri di Malaysia telah mengalami kekurangan tenaga buruh yang mahir yang bersesuaian dengan kehendak industri. Perkara ini akan memberi kesan kepada kecekapan operasi dan produktiviti keseluruhan industri seterusnya merencatkan pertumbuhan produktiviti negara. Ini memerlukan pendekatan proaktif dalam pengurusan bakat, memastikan tenaga kerja yang terlatih dan telah bersedia dengan keperluan industri.
6. Selain itu, kekurangan program latihan yang selari dengan keperluan industri (*industry-driven skills training program*) telah menghalang perkembangan kemahiran bakat dalam negara. Dalam landskap

perniagaan yang berkembang pesat pada hari ini, pelaburan dalam latihan pekerja adalah sangat penting. Oleh yang demikian, perlunya sebuah pelan strategik untuk meningkatkan inisiatif latihan dalam industri, serta memastikan pekerja memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.

B. OBJEKTIF DAN SKOP KAJIAN

Objektif kajian ini untuk membangunkan sebuah pelan hala tuju bakat masa hadapan bagi melonjakkan pertumbuhan produktiviti industri. Perlaksanaan pelan ini dijangka dapat meningkatkan tahap daya saing ekonomi negara di peringkat antarabangsa dan menyumbang kepada peningkatan produktiviti.

Tumpuan pelan hala tuju bakat ini adalah terarah pembangunan bakat pasaran buruh yang melonjakkan produktiviti. Bidang keutamaan pembangunan bakat pasaran buruh akan berfokus kepada sektoral dengan pepadanan dilakukan ke atas industri strategik dan bernilai tinggi.

Metodologi kajian merangkumi analisis empirikal berkaitan pasaran buruh dan produktiviti, perbincangan kumpulan berfokus, kajian jurang dasar dan kajian penanda aras.

Bagi tujuan tersebut, tiga skop kajian berikut ini dirangka bagi mencapai objektif kajian.

1. Kajian pembentukan kerangka asas pelan hala tuju

- i. Menilai keperluan kemahiran semasa dan masa depan dalam pasaran buruh untuk mengenal pasti jurang dan kemahiran khusus yang diperlukan bagi peningkatan produktiviti.
- ii. Mengenalpasti industri strategik dan bernilai tinggi yang dapat melonjakkan produktiviti negara dan KDNK.
- iii. Menjalankan analisis khusus industri untuk memahami keperluan bakat unik dan cabaran dalam sektor-sektor yang berbeza. Nilai kesan faktor khusus industri terhadap pembangunan bakat dan produktiviti buruh, dan kenal pasti strategi khusus sektor untuk menggalakkan pertumbuhan bakat dan mengoptimumkan produktiviti.
- iv. Menilai dasar-dasar dan kerangka peraturan sedia ada yang berkaitan dengan pembangunan bakat (termasuk latihan peningkatan kemahiran), termasuk undang-undang buruh, dasar pendidikan, dan strategi pembangunan tenaga kerja dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan bakat dan peningkatan produktiviti.
- v. Mengenal pasti pelan tindakan hala tuju bakat masa hadapan di peringkat sektoral dan diselarikan dengan indikator daya saing bakat.

2. Kajian penanda aras

- i. Mengenalpasti dan mencadangkan negara dan institusi yang dilawati bagi amalan terbaik di peringkat antarabangsa dalam pembangunan bakat dan produktiviti.
- ii. Mengaturkan program misi pembelajaran peningkatan bakat (*exploring pathways to enhance productivity*) dengan penyediaan bahan-bahan yang diperlukan dalam sesi libat urus berkenaan.
- iii. Mengambil kira input dan maklum balas daripada institusi yang dilawati bagi menambahbaik draf pelan hala tuju pembangunan bakat.

3. Pembangunan kapasiti dan latihan

- i. Menganjurkan bengkel *Labour Market Reform* kepada pihak MPC dan pemegang taruh yang berkepentingan bagi memberi pendedahan dan pemahaman ke atas pasaran buruh dan hubungkaitnya dengan produktiviti dan daya saing.
- ii. Mengenalpasti jurang pengetahuan dan kemahiran pihak MPC dan pemegang taruh yang berkepentingan agar program pembangunan kapasiti dan latihan dapat dirangka di masa hadapan.

D. JANGKAAN DAPATAN KAJIAN

Hasil penemuan kajian akan digunakan sebagai input kepada pemegang taruh (*stakeholders*) dalam usaha untuk menambahbaik peraturan, program atau dasar pembangunan bakat yang khusus kepada peningkatan produktiviti. Jangkaan dapatan dari kajian ini adalah seperti berikut:

1. Laporan Pelan Hala Tuju Bakat (Talent Roadmap) Bagi Melonjakkan Produktiviti.
 - Menyediakan pelan tindakan pembangunan bakat yang khusus kepada peningkatan produktiviti bagi tempoh 2024 sehingga 2030.
2. Laporan Misi Pembelajaran Peningkatan Bakat (*Exploring Pathways to Enhance Productivity*)
 - Kajian penanda aras bagi mendalami amalan terbaik dalam pembangunan bakat yang berfokuskan peningkatan produktiviti serta menjadi input kepada pelan ini.
3. Laporan bengkel *Labour Market Reform*
 - Mengenalpasti jurang dan keperluan pengetahuan pasaran buruh bagi tujuan pemeraksanaan kakitangan MPC.

E. GARIS MASA

1. Januari 2024 – Jun 2024.
2. Bagi memastikan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan kajian seiring dengan matlamat MPC, dapatan kajian perlu dikemukakan mengikut peringkat pelaksanaan kajian seperti berikut:
 - i. **Laporan Awal**: dibentangkan kepada MPC selepas 20% kajian selesai dilaksanakan; dan
 - ii. **Laporan Kemajuan**: dikemukakan dan dibentangkan kepada MPC selepas 50% kajian selesai dilaksanakan; dan
 - iii. **Draf Laporan Akhir**: dikemukakan dan dibentangkan kepada MPC selepas 80% kajian selesai dilaksanakan; dan
 - iv. **Laporan Akhir**: dikemukakan dan dibentangkan kepada MPC selepas kajian telah dilaksanakan sepenuhnya.

F. CADANGAN KOS

Kos syiling kajian berjumlah RM500,000 termasuk:

- i. Yuran Perunding;
- ii. SST (6%)
- iii. Kos Imbuhan Balik

G. PENYALURAN YURAN PROFESIONAL

1. Pembayaran yuran kepada perunding akan dijalankan mengikut terma berikut:

Bil	Fasa	Pembayaran	Tarikh Penyerahan	Output utama
i	Laporan Awal	20% Pembayaran akan dibuat selepas pembentangan kepada MPC	Februari 2024	- Senarai keutamaan intervensi pasaran buruh bagi melonjakkan produktiviti - Unjuran dan outlook pasaran buruh 2030
ii	Laporan Kemajuan	30% Pembayaran akan dibuat selepas Laporan Kemajuan dikemukakan kepada MPC	April 2024	- Analisis jurang dasar pasaran buruh dan produktiviti - Laporan hasil penganjuran dan perlaksanaan

				bengkel Labour Market Reform.
iii	Draf Laporan Akhir	30% Pembayaran akan dibuat selepas Laporan Kemajuan dikemukakan kepada MPC	Jun 2024	- Laporan misi pembelajaran peningkatan bakat (<i>exploring pathways to enhance productivity</i>). - Draf Pelan Hala Tuju Bakat Bagi Melonjakkan Produktiviti Pasaran Buruh 2024-2030.
iv	Laporan Akhir	20% Pembayaran akan dibuat selepas Laporan Akhir dimurnikan dan dikemukakan kepada MPC	Julai 2024	Pelan Hala Tuju Bakat Bagi Melonjakkan Produktiviti Pasaran Buruh 2024-2030.

H. PENYERAHAN

Laporan khusus bagi aktiviti berikut perlu diserahkan kepada MPC

1. Satu (1) naskah laporan misi pembelajaran peningkatan bakat (*exploring pathways to enhance productivity*).
2. Satu (1) naskah laporan hasil penganjuran dan perlaksanaan bengkel *Labour Market Reform*.

Selepas laporan akhir dibentangkan kepada MPC dan dimurnikan, perkara-perkara seperti berikut hendaklah diserahkan

3. Satu (1) naskah Pelan Hala Tuju Bakat Bagi Melonjakkan Produktiviti Pasaran Buruh 2024-2030 dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dalam bentuk *softcopy*.
4. Slaid pembentangan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris

I. SKOP TUGAS

1. Perunding yang dilantik mestilah:
 - i. Menjadi ketua projek bagi kertas cadangan yang telah diluluskan oleh MPC;

- ii. Membina dan melaksanakan konsep, metodologi dan pendekatan terperinci;
- iii. Mengurus ahli kumpulan dan memantau aktiviti kumpulan yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan projek, termasuk pengurusan, kemajuan dan pelaporan projek;
- iv. Mengatur sebarang perundingan termasuk perbincangan atau mesyuarat bersama pihak berkepentingan;
- v. Menyelaras kerja-kerja ahli kumpulan agar selaras dengan pelan pelaksanaan projek secara keseluruhan;
- vi. Menyediakan setiap laporan secara terperinci yang akan dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada MPC;
- vii. Menghadiri sebarang perbincangan yang berkaitan kajian bersama MPC dan pihak berkepentingan;
- viii. Bertanggungjawab mengetuai pembentangan kepada Pengurusan MPC; dan
- ix. Memastikan perbelanjaan bagi projek dibuat secara berhemah dan mematuhi peraturan Kewangan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.